

**PENGUMUMAN PAKEJ BANTUAN COVID-19 SABAH
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN, SABAH**

Selaras dengan pengumuman **Pakej Bantuan Covid-19 Sabah** oleh **Y.A.B. Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie Bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah** pada 25 Mac 2020, **Kerajaan Negeri Sabah** melalui **Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan** telah memberikan inisiatif bantuan kepada rakyat Negeri Sabah bagi mengurangkan bebanan akibat *pandemic* yang sedang dialami ketika ini. Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:-

- **Pengurangan 20 Peratus Cukai Pintu bagi tahun 2020**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melaksanakan pengurangan **20%** cukai pintu bagi tahun 2020 bermula pada **1 April 2020**.

Sekiranya ada pemilik hartanah yang telah menjelaskan cukai pintu tahunan bagi tahun 2020 sebelum **1 April 2020**, maka pengurangan 20% ke atas cukai pintu tersebut akan dibawa ke tahun hadapan sebagai rebet bagi tahun 2021.

- **Pengecualian Bayaran Lesen Penjaja untuk tahun 2020.**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah akan melaksanakan pengecualian pembayaran lesen penjaja dan fi penjaja kecil tanpa lesen berkuatkuasa **Serta-Merta**. Semua penjaja **Tidak Perlu** membayar lesen penjaja dan fi penjaja kecil sepanjang **Tahun 2020**.

Sekiranya penjaja telah menjelaskan bayaran lesen penjaja dan fi penjaja kecil tanpa lesen bagi **Tahun 2020**, maka pembayaran tersebut akan dibawa ke tahun hadapan sebagai rebet bagi tahun 2021.

- **Pengecualian daripada Membayar Sewa Rumah dibawah Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk tempoh 6 bulan**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melaksanakan pengecualian pembayaran sewa rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk tempoh **6 bulan** berkuatkuasa pada bulan **April 2020**.

- **Pengecualian Sewa Premis Pihak Berkuasa tempatan (PBT) untuk Tempoh 6 Bulan**

Kerajaan Negeri Sabah telah memberikan pengecualian pembayaran sewa premis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tempoh **6 bulan**.

Oleh itu, semua penyewa premis PBT adalah dikecualikan daripada membayar sewa premis untuk tempoh 6 bulan dan mula berkuatkuasa pada bulan **April 2020**.

Sekian, harap maklum.

**DATUK HAJAH MASNAH MATSALLEH
SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**